



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : KKM.600-30/12/10 Jld. 4 (50)

Tarikh : 13 Mei 2024

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 5 / 2024 PENGEMASKINIAN DASAR PEMINDAHAN JABATAN PESAKIT LUAR DARI HOSPITAL KE KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Memaklumkan pengemaskinian dalam pelaksanaan dasar pemindahan Jabatan Pesakit Luar (JPL) dari hospital ke klinik kesihatan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Dasar pemindahan perkhidmatan JPL dari hospital ke klinik kesihatan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan dengan Pengarah-Pengarah Bahagian Bil. 5/1992 agar perkhidmatan primer dilaksanakan oleh program Kesihatan Awam.

2.2 Walau bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini telah dikaji semula bagi memastikan ianya mencapai objektif dan memenuhi keperluan perkhidmatan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Perancangan dan Pembangunan Kementerian Kesihatan (JDPKK) Bil. 3/2005 pada 10 Ogos 2005. Susulan itu Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 5/2005 dikeluarkan bagi membolehkan perkhidmatan pesakit luar diteruskan di hospital dengan mengutamakan keperluan perkhidmatan kesihatan bagi pelanggan dan pesakit.

2.3 Terkini, satu surat dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dengan rujukan KKM.600-1/4/20 JLD4(18) bertarikh 7 November 2023, menyatakan halatuju program Perubatan berkenaan penutupan JPL secara berfasa bagi memberi penumpuan kepada perkhidmatan rawatan sekunder, tertier dan kuarternari. Selaras dengan halatuju ini, surat tersebut telah menggariskan pendekatan yang perlu diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri dalam membuat perancangan dan keputusan penutupan JPL di negeri masing-masing.

3. KEPERLUAN PENGEMASKINIAN DASAR

3.1 Terdapat isu penyelarasan proses pemindahan perkhidmatan JPL dari hospital ke klinik kesihatan yang kurang terancang di peringkat hospital, daerah dan negeri menimbulkan kekangan pelaksanaan terutama kepada anggota di fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang terlibat. Ini seterusnya memberi kesan kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan pesakit luar secara efisien.

3.2 Oleh demikian, dasar sedia ada perlu dikemaskini bagi membantu penyampaian perkhidmatan pesakit luar ditingkatkan ke tahap yang optima.

4. PENGEMASKINIAN DASAR PELAKSANAAN

4.1 Bagi memastikan proses pemindahan perkhidmatan JPL di hospital ke klinik kesihatan dilaksanakan secara terancang, pihak Jabatan Kesihatan Negeri perlu meneliti dan melaksanakan penyelarasan melibatkan beberapa perkara antaranya:

- i. Meneliti kapasiti klinik kesihatan sedia ada dalam lingkungan 10km radius untuk menampung penambahan beban kedatangan pesakit JPL yang dipindahkan, atau menyediakan fasiliti / infrastruktur baharu sebelum pemindahan dilaksanakan bagi memudahkan proses pemindahan dan akses kepada perkhidmatan di lokasi baru;

- ii. Mengagihkan semula sumber terutama sumber manusia yang optima dari hospital ke klinik kesihatan untuk pengoperasian pesakit luar berdasarkan penambahan skop perkhidmatan dan beban kedatangan yang dipindahkan;
- iii. Merancang dan memohon sumber tambahan yang diperlukan secara berhemah berdasarkan perancangan perkembangan perkhidmatan di hospital dan klinik kesihatan susulan pemindahan JPL;
- iv. Merancang dan melaksanakan rujukan dengan ringkasan sejarah perubatan serta pelan rawatan bagi pesakit yang terlibat dengan perpindahan rawatan dari JPL di hospital ke klinik kesihatan; dan
- v. Mendapatkan persetujuan mengenai pemindahan perkhidmatan JPL daripada Ahli Parlimen dan wakil penduduk.

4.2 Bagi perkhidmatan JPL yang telah dipindahkan dari hospital dan menggunakan premis/bangunan di luar kawasan hospital atau klinik kesihatan berhampiran, urusan pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan pesakit luar adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat.

4.3 Bagi perkhidmatan JPL yang masih dilaksanakan di hospital dengan menggunakan premis/bangunan di dalam kawasan hospital, urusan pentadbiran dan pengurusan JPL adalah di bawah tanggungjawab Pengarah Hospital yang terlibat.

5. PEMAKAIAN PEKELILING

Pekeliling ini hendaklah diguna pakai di semua hospital dengan JPL dan fasiliti kesihatan KKM yang terlibat dengan proses pemindahan perkhidmatan JPL di hospital ke klinik kesihatan.

6. TANGGUNGJAWAB

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab melaksanakan dasar ini sebaik mungkin bagi memastikan pemindahan JPL dari hospital ke klinik kesihatan dilaksanakan dengan terancang di setiap peringkat bagi memastikan masyarakat mendapatkan perkhidmatan pesakit luar secara efisien.

- 6.1 Pelarasan perjawatan perlu dilaksanakan dan anggota kesihatan yang terlibat dengan pemindahan JPL dari hospital ke klinik kesihatan perlu dijelaskan kedudukan mereka supaya tidak menjejaskan hal pentadbiran.
- 6.2 Peruntukan kewangan dan sumber manusia bagi kedua-dua pihak PTJ ini diagihkan dengan saksama selaras dengan pemindahan beban kerja, agar perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik kesihatan berjalan lancar.

7. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan dalam surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan. Susulan itu, Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil 5/ 2005 bertarikh 15 Ogos 2005 dengan no. rujukan Bil (35) dlm. KKM/62/BPKK(P)/SP1 Bhg 2 adalah terbatal.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

S.k.

- i. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

- ii. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

- iii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

- iv. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
2. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
3. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
4. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
5. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
6. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
7. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
8. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
9. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
10. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah